

MAHATHIR - ISLAM

KOTA BAHARU, 28 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) AKAN TERUS MELAKSANAKAN DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM SECARA MEMBINA, DI SAMPING MEMBERIKAN KEBEBASAN AGAMA KEPADA YANG BUKAN ISLAM.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ISLAM BUKAN MERUPAKAN AGAMA YANG MENAKUTKAN.

+KITA PERLU MENDEKATKAN SELURUH RAKYAT KEPADA ISLAM, SAMA ADA MEREKA HENDAK MENERIMANYA ATAU TIDAK, ITU MERUPAKAN MASALAH LAIN,+ KATANYA PADA MAJLIS PENYERAHAN BORANG PERMOHONAN MENGANGGOTAI UMNO OLEH 1,000 ORANG DARI 17 RANTING PAS DI KAMPUNG BANGGOL CHE WAN, MERANTI DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKEMBANGAN ISLAM HANYA AKAN DAPAT DILAKUKAN DALAM KEADAAN YANG AMAN DAN TANPA HURU-HARA.

BORANG-BORANG ITU DISAMPAIKAN OLEH BEKAS PENGHULU, ENCIK YUSOF AWANG DI RUMAHNYA DI KAMPUNG BERKENAAN. -- LAGI.
1331MST 28 06 90

D783

U B070 DEB
MAHATHIR - ISLAM 2 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN, PELAKSANAAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM OLEH KERAJAAN SECUCUK DENGAN AJARAN DAN PERJUANGAN ISLAM YANG SEBENAR TETAPI RAMAI DARIPADA KALANGAN PEMIMPIN DAN PENYOKONG PAS TIDAK MAHU MENGIKTIRAFNYA.

BELIAU BERKATA RAKYAT SENDIRI DAPAT MANYAKSIKAN APA YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN MENGENAI ISLAM SEKARANG.

KATANYA SEBAGAI NEGARA ISLAM, PELBAGAI PROJAK PEMBANGUNAN KEISLAMAN TELAH DIWUJUDKAN SEPERTI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA, BANK ISLAM DI SAMPING MENYERTAI SEMINAR-SEMINAR ANTARABNGSA.

MENURUTNYA MELALUI SEMINAR BERKENAAN, MALAYSIA TELAH MEMBERIKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT YANG BERFAEDAH MENGENAI ISLAM.

BELIAU BERKATA, ADALAH SESUATU YANG ANEH BAGI PAS YANG KONONNYA INGIN MEMPERJUANGKAN ISLAM, TELAH BEKERJASAMA DENGAN DAP YANG TERANG-TERANG MENENTANG PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM. -- LAGI.
1412MST 28 06 90

D786

U B071 DEB
MAHATHIR - ISLAM 3 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA PERJUANGAN PAS YANG BEKERJASAMA DENGAN DAP DAN SEMANGAT 46 BUKAN UNTUK KEPENTINGAN ISLAM TETAPI BAGI KEPENTINGAN DIRI DAN MENDAPAT KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN BERKATA SESUATU KERJASAMA YANG TIDAK MEMPUNYAI PANDUAN, SUDAH PASTI TIDAK BOLEH MENANG DAN TIDAK DITERIMA OLEH RAKYAT.

SEBELUM ITU, PADA SUATU MAJLIS DI KAMPUNG PECAH PALAS, BUNUT SUSU, TENDONG, DEKAT SINI DATUK SERI DR MAHATHIR SELAKU PRESIDEN UMNO MENERIMA 196 BORANG PERMOHONAN MENYERTAI UMNO DARIPADA ANGGOTA PAS DAN SEMANGAT 46 YANG DISERAHKAN OLEH BEKAS KETUA PAS CAWANGAN PECAH PALAS, ENCIK MUSTAFA UMAT. -- BERNAMA.